

16 JUL 2003

MAHATHIR-PERDAGANGAN

M'SIA AKAN BERI TUMPUAN EKSPORT BARANGAN ELEKTRONIK KE UKRAINE

Oleh: Mohd Kamel Othman

YALTA (Ukraine), 16 Julai (Bernama) -- Malaysia akan memberi tumpuan untuk mengeksport barangan elektronik, produk isi rumah, mesin, produk keluli fakhrikasi dan kren selain minyak sawit ke Ukraine memandangkan potensi pasarannya yang amat besar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kedudukan Ukraine di Laut Hitam serta pelabuhannya yang besar di Odessa akan membolehkan barangan Malaysia dipasarkan ke bekas jajahan Russia itu serta negara-negara di Eropah Timur.

"Kita datang ke sini pun untuk mengenali mereka secara lebih dekat serta untuk memperluaskan dagangan dan pasaran baru," katanya pada persidangan media kepada wartawan Malaysia di Rumah Tetamu Kerajaan di Yalta di sini hari Rabu.

Dr Mahathir ialah dalam lawatan rasmi empat hari ke Ukraine bermula Ahad. Beliau akan berlepas pulang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Simferopol petang Rabu.

Ketika ditanya mengenai terdapatnya tanggapan bahawa Malaysia kini mengalih pandangan ke blok timur, Perdana Menteri berkata Malaysia mengadakan hubungan dengan semua negara di dunia kerana Malaysia merupakan sebuah negara dagangan dan oleh itu pasaran baru harus diterokai.

Dr Mahathir berkata dulu Ukraine tidak membeli barangan daripada luar kerana mereka mempunyai pasaran tertutup dan Malaysia pula tidak memberi tumpuan kepada blok Eropah Timur kerana ia merupakan pasaran tertutup.

"Dulu mereka tidak mempunyai tukaran asing dari luar tetapi kini mereka telah menerima sistem pasaran terbuka. Mereka (kini) bersedia untuk membeli dan menjual barangan," katanya.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, ini merupakan peluang bagi Malaysia untuk menembusi pasaran Eropah Timur yang dahulunya tertutup.

Beliau juga berkata bahawa blok Eropah Timur kini tidak seperti dahulu yang hanya memberi keutamaan untuk mencipta dan menghasilkan peralatan perang disebabkan negara-negara Eropah Timur selalu berperang antara satu sama lain.

Dengan sejarah itu, katanya, negara-negara Eropah Timur tidak begitu cekap umpamanya dalam mengeluarkan barangan pengguna tetapi maju dalam menghasilkan peralatan pertahanan.

Mengenai kemampuan sektor korporat Malaysia untuk bekerjasama dengan rakan niaga mereka di Eropah Timur, Dr Mahathir berkata beliau percaya usahawan Malaysia mampu berbuat demikian memandangkan pada masa ini pun mereka sanggup pergi ke mana-mana untuk mengadakan usahasama.

"Rakyat kita berbeza daripada dulu dan kini mereka sanggup pergi ke mana-mana (untuk mengadakan usaha sama)," tegasnya.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa kerajaan akan menjalankan kajian terhadap institusi-institusi pengajian tinggi di Ukraine yang terdapat ramai pelajar Malaysia.

"Mereka tidak mengambil kira sama ada kelulusan mereka diterima atau tidak. Mereka datang dulu dan apabila lulus, mereka mendesak melalui saluran politik supaya kerajaan menerima dan mengiktiraf kelulusan mereka. Mereka mengambil risiko," kata Dr Mahathir. - BERNAMA

MKO MAD AA